

31 JUL 2002

Mahathir-Keluarga

DR MAHATHIR MAHU NILAI KEKELUARGAAN DISUBURKAN

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata institusi keluarga harus dipertahankan dan nilai kekeluargaan yang baik perlu disuburkan semula kerana ia dapat membantu mengurangkan pelbagai masalah sosial.

Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia sedang menuju ke arah menjadi negara maju, ini tidak bermakna sistem nilai hidup murni melibatkan institusi keluarga dan perkahwinan harus dikorbankan.

Menurutnya, bila sesebuah negara mencapai kemajuan, mangsa pertama ialah keluarga kerana pada kebiasaannya suami dan isteri akan bekerja menyebabkan mereka tidak mempunyai masa cukup untuk diluangkan bersama anak-anak.

"Ini menjadikan hubungan kekeluargaan kurang baik dan anak-anak tak dapat didikan secukupnya," kata Dr Mahathir ketika melancarkan kempen 'Utamakan Keluarga-Semakin Hari Semakin Sayang' anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga di kementerian itu di sini.

Katanya anak-anak yang tidak mendapat kasih sayang dan membesar dalam suasana seumpama itu mempunyai nilai hidup yang rosak kerana tidak memahami erti kasih sayang dan disiplin.

"Inilah sebabnya banyak masalah sosial (berlaku seperti) ponteng sekolah, keganasan di sekolah, terlibat dengan dadah bahkan jenayah," katanya.

Dr Mahathir berkata ibu bapa mesti mencari jalan untuk memperuntukkan masa dan menghabiskan masa berkualiti bersama anak-anak mereka.

Perdana Menteri berkata, kempen itu perlu menyentuh tentang masalah yang dihadapi dalam mengharungi kehidupan di bandar.

"Di kampung, masalah sosial tak banyak. Bila orang luar bandar berpindah ke bandar, agak sukar untuk mengadakan kehidupan keluarga seperti biasa," katanya.

Dr Mahathir berkata konsep keluarga yang luas melibatkan saudara-mara yang lain perlu juga diberikan perhatian kerana inilah yang menjadi kerangka kepada masyarakat.

Hadir sama pada pelancaran kempen itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood, serta beberapa menteri dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil turut mengiringi Dr Mahathir dan para tetamu lain dalam lawatan singkat ke kementerian yang berusia 19 bulan itu.

Kempen bermatlamat melahirkan keluarga yang kukuh dan harmoni itu adialah sebahagian daripada sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2002 dan ia menekankan pendekatan menyeluruh termasuk menumpukan perhatian kepada aspek psiko-sosial, kerohanian dan kesihatan.

Ia terbahagi kepada tiga aktiviti utama iaitu program latihan dan pendidikan mengenai pembangunan dan pengukuhan keluarga yang akan dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi; kempen kesedaran menerusi medium hebahan seperti poskad, pelekat kenderaan dan tayangan komersial televisyen; dan pelaksanaan pelbagai kajian mengenai kekeluargaan.

-- BERNAMA

MAM ZS MAI